

Abstrak

Penerbitan buku merupakan satu proses berterusan sejak Guttenburg mencipta mesin cetak bergerak. Proses penerbitan buku menjadikan tamadun manusia di seluruh dunia menjadi lebih bermakna. Perkara yang sama diperlihatkan dalam proses perkembangan penerbitan buku Tamil tempatan.

Sejak merdeka sehingga kini industri penerbitan buku telah mengalami banyak pancaroba yang sama ada telah mematangkan industri ini ataupun melemahkannya.

Proses jatuh bangun dalam industri ini menjadi perkara biasa kepada para usahawan yang memilihnya sebagai karier hidup. Di sepanjang pasca kemerdekaan hanya dua syarikat penerbitan buku Tamil sahaja berupaya berdiri kekal di negara ini. Daripada dua syarikat ini, hanya sebuah syarikat sahaja mampu bergerak aktif dan berupaya menghasilkan penerbitan tempatan umum, sekurang-kurangnya sebuah dalam sebulan.

Dalam mengharungi dilema dan senario permasalahan dalam industri ini, kecekapan dalam proses pengurusan menjadi faktor penting dalam kejayaan sesebuah syarikat buku. Di samping pengurusan, permasalahan pemasaran juga dikenal pasti menerusi kajian ini sebagai faktor yang sentiasa melemahkan industri ini untuk mendekati khalayak.

Beberapa modul pemasaran terkini turut dicadangkan kepada penerbitan sebagai wahana memperkuatkan perniagaan seperti kesan pengiklanan, cara menangani saingan dalam industri, pembentukan pengurusan korporat, perkhidmatan pelanggan yang inovatif, dan pengurusan belanjawan yang cekap.

Melalui temuramah dengan tokoh-tokoh buku Tamil di negara ini dan orang perseorangan yang secara langsung dan tidak langsung membantu industri ini, turut dildekati untuk mendapatkan input yang bermas dan membina bagi mengemukakan satu cadangan mengembangkan industri ini dalam era ekonomi digital kini, yang secara langsung membuka peluang dalam penerbitan elektronik seperti CD-Rom.

Segala penemuan dalam kajian ini bakal dapat menjadi strategi kepada penyusunan pemasaran yang lebih efisen untuk mengangkat buku sebagai *intellectual property* yang benar-benar bernilai kepada penduduk tempatan. Penemuan-penemuan ini juga dijangka akan menjadi manfaat kepada industri penerbitan buku negara tentang senario dan permasalahan yang dialami oleh penerbitan etnik.

Abstract

Book publishing is a continuing process since Guttenburg founded the moving publishing machine. From that period it grew with various technological changes. The book publishing process makes our civilization more meaningful, by giving more evidence on social, economic and political development.

Since Independence, Tamil book publishing has been facing more dilemma in the process to develop the business.

Facing problem in this Industry is common as many entrepreneurs willing to choose it as a career. After Independence, only two Tamil publishing company have been identified as still moving in the business. However, only one company is actively playing its role in the publishing field.

In facing the dilemma in the Industry, efficient management process become the main factor to provide success to the publishers. In another site, the innovative marketing process should support the management to achieve its goals.

For these, a few latest marketing modules were suggested to let the industry grow well and to strengthen the business, beside the government's support. The modules are innovative advertising, facing competition, implementing corporate management, innovative customer service and efficient budget management.

From interviews with those involved in the industry , this research will give suggestions to develop the future of Tamil book publishing in the country. This will open new opportunities in the field such as to venture in new publishing technologies, like CD-Rom (electronic publishing).

All the findings in this research will provide strategies to publishers to strengthen their marketing process to reach a wider market place. Using Internet and e-commerce as a marketing source, they will get new markets very fast with less cost.

Nevertheless, the research work will give the true picture of Tamil book publishing in the country in order to strengthen the national book publishing field.